

27/03/1997

4 kawasan dibuka besar-besaran

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan percaya sekurang-kurangnya empat kawasan mungkin terbabit dalam kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor termasuk satu kawasan yang bukitnya diratakan dan semua pokok ditebang.

Menteri berkenaan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sudah memulakan siasatan dan mengemukakan laporan kepada beliau sebelum diajukan kepada mesyuarat jemaah menteri.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan lokasi kawasan terbabit.

Dr Ting berkata, pihaknya belum mengenal pasti pemaju terbabit atau bilakah kebenaran diberikan bagi pembangunan kawasan berkenaan.

Semalam, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengarahkan kementerian menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor.

Selaras itu, katanya, semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan hari ini diarahkan mengadakan pemeriksaan mengejut ke kawasan pembangunan bagi memastikan kegiatan penebangan pokok dan pemotongan bukit tidak dijalankan sewenang-wenangnya.

Dr Ting berkata, arahan itu dikeluarkan sebagai tindakan susulan ekoran kebimbangan yang disuarakan oleh Dr Mahathir terhadap kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran seperti yang berlaku di Selangor.

"Arahan pemeriksaan mengejut secara lebih kerap itu bertujuan memastikan semua pemaju sentiasa bertindak dalam ruang lingkup peraturan dan undang-undang," katanya.

Menurutnya, jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet hari ini terkejut apabila mengetahui masih berlaku kegiatan penebangan pokok dan bukit secara besar-besaran.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi melindungi alam sekitar, termasuk menggunakan Akta Perancangan Bandar dan Desa Pindaan 1995 dan Akta Kualiti Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan 1995) mereka yang melakukan kesalahan boleh didenda RM5,000 hingga RM50,000 bagi setiap batang pokok ditebang bergantung kepada keputusan mahkamah.

"Walaupun kegiatan menebang pokok dan bukit secara besar-besaran berkurangan, ia tetap masih berlaku. Mungkin ada pemaju yang degil dan tidak sedar akan kewujudan undang-undang.

"Jadi, kita akan mencari siapa yang bertanggungjawab sebelum membawa mereka ke muka pengadilan. Mereka mungkin boleh bayar denda, tetapi pemaju sudah tentu tidak mahu nama syarikat mereka tersiar kerana ia membabitkan imej," katanya.

Ting berkata, kerajaan juga mensyaratkan supaya setiap pokok tua harus ditempatkan semula ke tempat lain dengan pokok yang ukur lilitnya melebihi 80sm tidak boleh ditebang.

Pendirian kerajaan dalam hal ini, katanya, amat tegas kerana penebangan pokok dan pemotongan bukit tidak boleh dilakukan sesuka hati, cuma setakat yang perlu dengan setiap pembukaan tanah harus dirancang dengan baik.

(END)